

Helo Ibu Bapa/ Waris Sparkletots,

Mari raikan Perpaduan dalam Kepelbagaian menerusi pek 'Joy of Reading'.

Eratkan ikatan bersama anak anda melalui aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan sesi bercerita yang mengajar kanak-kanak menghargai keunikan setiap manusia.

Ayuh mulakan pembelajaran yang menyeronokkan!



Di dalam kotak ini terdapat:

1. Buku Kusyen Kain 'Kawan-Kawan Yang Ceria'
2. Bola 'Rattle'
3. Pek Cat Berwarna (3 warna)
4. Apron Kraf Toddler
5. Sumber Risalah Ibu Bapa



Imbas kod QR ini untuk mendapatkan lebih idea aktiviti!



Bola 'Rattle'

Guling, baling dan main 'peek-a-boo' dengan bola ini. Gunakan bola 'rattle' yang berwarna-warni ini di dalam pelbagai permainan yang aktif dan seronok bersama keluarga anda.

Buku Kusyen Kain 'Kawan-Kawan Yang Ceria'

Kenalkan si cilik dengan bentuk-bentuk yang ada di dalam buku ini! Galakkan anak anda menggunakan bola 'rattle' semasa berinteraksi di setiap halaman di dalam buku. Ini membantu mengembangkan kemahiran motor halus kanak-kanak dan merangsang deria sentuhan mereka. Ucapkan helo kepada Segi Tiga dan Segi Empat apabila anda melihat mereka!



Apron Kraf Toddler dan Pek Cat

Biarkan anak anda meneroka pelbagai tekstur serta warna dengan cat. Aktiviti seperti ini memberi kanak-kanak peluang mencetuskan rasa ingin tahu dan menggunakan imaginasi mereka. Jom warna!

